



## **TAWARAN BIASISWA MELANJUTKAN PENGAJIAN MA'HAD ALI SESI 2026/2027**

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) mempelawa calon-calon yang layak untuk memohon tawaran berasiswa melanjutkan pengajian di Institut Pengajian Tinggi Ma'had Ali di Jawa Barat dan Program Kader Ulama Masjid Istiqlal (PKUMI), Jakarta Indonesia bagi ambilan Sesi 2026/2027. Institusi pengajian yang ditawarkan adalah sebagaimana berikut:

|      |   |
|------|---|
| i.   | PROGRAM KADER ULAMA MASJID ISTIQLAL (PKUMI), JAKARTA<br><b>(bagi calon ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran/PhD sahaja)</b> |
| ii.  | MA'HAD ALI AL-HIKAMUSSALAFIYYAH, JAWA BARAT, INDONESIA<br>(PENGKHUSUSAN MAQASID SHARIAH & USUL FIQAH)                       |
| iii. | MA'HAD ALI MUALLIMIN MUALLIMAT, JAWA BARAT, INDONESIA<br>(PENGKHUSUSAN ILMU FALAK)  |

### **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

1. Beragama Islam
2. Pemohon adalah rakyat negeri Kelantan yang menetap di negeri Kelantan dan sekiranya bukan rakyat negeri Kelantan, pemohon disyaratkan bermastautin di negeri Kelantan serta tidak menerima bantuan daripada pusat zakat negeri kelahiran / asal.
3. Pembelajaran adalah **sepenuh masa selama 4 tahun** (8 semester) bagi pengajian Ma'had Ali dan pengajian di peringkat PhD. Manakala tempoh pengajian di peringkat sarjana pula adalah **selama 2 tahun** (4 semester).
4. Pemohon perlu mempunyai kelayakan akademik mengikut institusi pengajian yang dipohon seperti berikut:

| INSTITUSI YANG DIMOHON   | KELAYAKAN & PENCAPAIAN AKADEMIK   | TEMPOH PENGAJIAN   |
|--|---|--|
| PROGRAM KADER ULAMA, MASJID ISTIQLAL                             | Memperoleh pencapaian minimum ( <b>PNGK 3.00 dan ke atas</b> ) semasa Ijazah Pertama atau Sarjana.  | Pengajian sarjana:<br>2 tahun (4 semester)<br><br>Pengajian PhD:<br>4 tahun (8 semester) |
| MA'HAD ALY AL-HIKAMUSSALAFIYYAH & MA'HAD ALY MUALLIMIN MUALLIMAT | Memperoleh pencapaian minimum ( <b>jayyid jiddan dan ke atas</b> ) bagi lulusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau syahadah Aliyah bagi sistem pengajian pondok atau yang setaraf dengannya. | 4 tahun (8 semester)   |

5. Had umur pemohon yang ditetapkan adalah tidak melebihi 30 tahun bagi Sarjana dan 40 tahun bagi Doktor Falsafah.

Bagi pemohon institusi Ma'had Ali, had umur yang ditetapkan adalah tidak melebihi 30 tahun.

### KRITERIA PEMILIHAN

6. Calon yang layak dan memenuhi kriteria di atas, akan ditemuduga oleh satu panel khas. Pemilihan akan dibuat dengan mengambil kira prestasi semasa temuduga, potensi calon, bakat kepimpinan, sumbangan kepada masyarakat dan kriteria-kriteria lain yang difikirkan wajar oleh panel.

### CALON-CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON

- 7. Pemohon yang **TIDAK MEMENUHI** syarat-syarat permohonan yang diperlukan.
- 8. Pemohon yang masih terikat dengan mana-mana badan penajaan.
- 9. Pemohon yang sedang bekerja tetapi **TIADA** surat pelepasan/kelulusan daripada majikan.

### DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (*Pengesahan salinan adalah MANDATORI*)

10. Berikut merupakan senarai dokumen yang **WAJIB** diserahkan:
- i. Resume pemohon.
  - ii. Gambar pemohon berukuran passport.
  - iii. Salinan Kad Pengenalan / surat beranak pemohon, ibu bapa/penjaga dan tanggungan ibu bapa / penjaga pemohon.
  - iv. Salinan akaun bank yang masih aktif.

- v. Salinan sijil kematian, surat perakuan cerai pasangan / ibubapa / penjaga (jika berkaitan).
- vi. Salinan slip gaji / penyata pencen pasangan (bagi yang sudah berkahwin)/ ibubapa / penjaga sekiranya bekerja kerajaan / swasta atau pengesahan pendapatan (disahkan oleh imam masjid bandar / jajahan / mukim) sekiranya tiada slip gaji.
- vii. Surat pengesahan mastautin yang disahkan oleh imam masjid bandar/jajahan/mukim sahaja jika tiada sebarang dokumen pengenalan diri (boleh dapatkan di Portal MAIK).
- viii. Salinan Sijil atau transkrip atau slip keputusan penuh peperiksaan STAM atau syahadah Aliyah atau keputusan peperiksaan terakhir (bagi yang sedang menuntut di Institusi Pengajian)

**NOTA: KEGAGALAN mengemukakan dokumen yang telah DISAHKAN seperti yang dinyatakan di atas boleh menyebabkan kegagalan permohonan dan tidak dipanggil untuk temuduga.**

- 11. Sebarang pindaan atau perubahan pada syarat-syarat permohonan pada iklan ini jika ada, termasuk tarikh tutup permohonan, akan dimaklumkan di laman sesawang portal rasmi MAIK.
- 12. **Semua dokumen MESTI DISAHKAN SEBELUM DIHANTAR** kepada pihak MAIK.
- 13. Dokumen-dokumen tersebut bolehlah dihantar melalui email berikut: [hafizhafifi@e-maik.my](mailto:hafizhafifi@e-maik.my).
- 14. Pegawai atau kakitangan kerajaan atau swasta yang sedang berkhidmat mestilah mengemukakan permohonan mereka melalui Ketua Jabatan masing-masing dan disertakan bersama Surat Pengesahan Kebenaran untuk Belajar Secara Sepenuh Masa. (jika berkaitan).
- 15. Calon yang berjaya mendapat tawaran biasiswa MAIK ini adalah tertakluk kepada perjanjian biasiswa yang akan dimaklumkan kelak.
- 16. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN: ISNIN, 30 JUN 2025, Jam 2.00 PETANG.**

Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut **TIDAK** akan dipertimbangkan.

Permohonan yang **TIDAK LENGKAP ATAU TIDAK MEMENUHI SYARAT** seperti yang ditetapkan, **TIDAK** akan dipertimbangkan.

**Sebarang Pertanyaan sila hubungi :-**

**BAHAGIAN HAL EHWAL AGAMA MAIK  
013-9807411 (Ustaz Ahmad Hafiz)**